



UNIVERSITI
MALAYSIA
PERLIS



LAPORAN TAHUNAN 2019

**PUSAT PEMBANGUNAN KORPORAT
DAN PENGURUSAN KUALITI (PUSPEK)**

ISI KANDUNGAN

Sidang Editorial	2
Perutusan Penolong Naib Canselor	4
Visi, Misi dan Nilai-Nilai Teras	5
Piagam Pelanggan	6
Latar Belakang	7
Carta Organisasi	8
Senarai Staf PUSPEK	9
Petunjuk Prestasi Utama	10
Pembangunan Korporat	12
• Laporan Aktiviti 2019: Pembangunan Korporat	14
Pengurusan Kualiti	24
• Laporan Aktiviti 2019: Pengurusan Kualiti	27
Laporan Latihan Staf 2019	38
Laporan Cuti Staf 2019	40
Laporan Kewangan	
• Laporan Perbelanjaan 2019	43
• Laporan Kewangan PUSPEK 2019	44

SIDANG EDITORIAL

PENAUNG

Prof. Dr. R. Badlishah Ahmad

KETUA EDITOR

Prof. Dr. Harshita Aini Haroon

PENOLONG KETUA EDITOR

Dr. Norshahrizan Nordin

EDITOR

En. Abdul Ghani Fathil

Pn. Nurul Asyikin Fadzil

En. Budiman Ikhwandee Fadzilah


En. Mohamed Roshimi Md Shahor

En. Muhammad Hidham Haris

PEREKA GRAFIK & FOTOGRAFI

En. Mohd Fazlie Yusoff





**PUSAT
PEMBANGUNAN KORPORAT
DAN
PENGURUSAN KUALITI
(PUSPEK)**

Penolong Naib Canselor

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah SWT di atas limpah kurniaNya, PUSPEK telah berjaya melalui cabaran pada 2019 dengan semangat kerja berpasukan yang tinggi dan penuh iltizam dalam menjunjung nilai teras UniMAP “Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan”.

Pada tahun 2019, PUSPEK terus melaksanakan pelbagai aktiviti dan usaha untuk kecemerlangan pembangunan korporat dan pengurusan kualiti universiti, selaras dengan misi PUSPEK, “Memimpin dan Memimpin dan Menyangga Agenda Universiti ke Arah Budaya Kerja Berprestasi Tinggi”. Salah satu indikator kejayaan PUSPEK tahun ini ialah berjaya mengekalkan status pensijilan MS ISO 9001:2015 Sistem Pengurusan Kualiti melalui audit pensijilan semula oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

PUSPEK dengan penuh yakin bergerak cergas dan dinamik bagi mencapai dan merealisasikan aspirasi universiti. Cabaran utama tahun 2019 ialah untuk memastikan pelan tindakan UniMAP 2025 (Fasa 1: 2018-2019) dilaksanakan dan dipantau, serta mencapai sasaran masing-masing. Pelaksanaan pelan tersebut yang mengambil pendekatan proses, memerlukan komitmen penuh daripada semua pihak pelaksana dan pihak berkepentingan. Penambahbaikan kepada pelan tindakan tersebut perlu dibuat, mengambil kira perubahan persekitaran yang amat dinamik yang menuntut kepada semakan semula perancangan strategi universiti. Hasil daripada proses semakan, InsyaAllah, UniMAP akan dipandu oleh Pelan Strategik UniMAP 2025 yang telah ditambah baik, mulai 2020.

Selain itu, tugas-tugas utama PUSPEK terus dilaksanakan seperti memastikan proses-proses penting UniMAP dipatuhi dan data pencapaian UniMAP dikumpulkan serta dianalisis untuk keperluan pihak tertentu dan UniMAP sendiri, dalam usaha memastikan kualiti institusi terpelihara.

Akhir kata, saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua staf yang telah terlibat dan bertungkus lumus dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan jayanya sepanjang tahun 2019. PUSPEK akan terus bergerak maju dan berusaha untuk menjadi Pusat Teraju Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti Universiti yang cemerlang, ke arah menyokong visi UniMAP. “Institusi Akademik dan Penyelidikan yang Berdaya Saing di Persada Antarabangsa”.

Prof. Dr. Harshita Aini Haroon

Penolong Naib Canselor
Pusat Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti
(PUSPEK)





UNIVERSITI
MALAYSIA
PERLIS

MISI

Memimpin dan Menyangga Agenda Universiti ke Arah Budaya Kerja Berprestasi Tinggi

VISI

Teraju Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti Universiti yang Cemerlang

NILAI TERAS

ILMU ● KEIKHLASAN ● KECEMERLANGAN

PIAGAM PELANGGAN

PUSPEK komited dalam menyediakan perkhidmatan professional, efektif dan efisien; serta peka terhadap keperluan dan kepuasan pelanggan melalui:

- Menyediakan laporan pencapaian strategik universiti dalam tempoh lima (5) hari selepas verifikasi data telah dibuat oleh pemilik data;
- Memastikan latihan, perundingan dan audit yang berkaitan dengan Sistem Pengurusan Kualiti yang telah dipersetujui antara PUSPEK dan PTj dilaksanakan dengan berkesan seperti mana yang dirancang;
- Memastikan penyebaran maklumat berkaitan Pengurusan Strategik/Petunjuk Prestasi daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dibuat dalam tempoh lima (5) hari selepas maklumat diterima, dan penghantaran maklumat kepada KPM dibuat dalam tempoh yang ditetapkan;
- Memastikan data bagi Indeks Kepuasan Staf dan Indeks Kepuasan Pelajar disediakan dan dilapor kepada pengurusan Universiti sebelum Mac setiap tahun;
- Memberi khidmat perundingan berkaitan KIK dan 5S kepada semua PTj sekurang-kurangnya sekali setiap tiga (3) bulan;
- Memastikan Laporan Tahunan PUSPEK disediakan sebelum 15 Disember setiap tahun, dan Laporan Prestasi UniMAP disediakan pada 1 Februari setiap tahun;
- Menyediakan Infostruktur Sistem Pengurusan Strategik dan Sistem Pengurusan Kualiti yang mesra pelanggan dalam tempoh yang ditetapkan.

LATAR BELAKANG


PUSPEK dibangunkan pada 2009, dengan gabungan antara dua unit yang telah beroperasi sebelum itu, iaitu Unit Kualiti (ditubuhkan pada 2004) dan Unit Pembangunan Korporat (ditubuhkan pada 2006, dikenali sebagai UNIPEK).

PUSPEK ditubuhkan untuk tujuan berikut:

- Mengurus, mentadbir, menyelaras dan melaksanakan aktiviti berkaitan dengan perancangan strategi, dan memantau serta melapor pencapaian pelan strategik UniMAP kepada pengurusan tertinggi universiti;
- Mengurus, mentadbir, menyelaras dan melaksanakan aktiviti berkaitan dengan petunjuk prestasi utama yang relevan dengan pelan strategik peringkat nasional, dan ialah rujukan utama universiti berkaitan dengan KPI;
- Mengurus, mentadbir, menyelaras dan melaksanakan aktiviti yang relevan dengan pembangunan korporat UniMAP; mengurus, mentadbir, menyelaras dan melaksanakan aktiviti yang relevan dengan pengurusan sistem kualiti (seperti audit kualiti, 5S, KIK), terutama dalam usaha untuk memperoleh dan mengekalkan persijilan MS ISO dalam skop yang ditetapkan oleh UniMAP; menawarkan program latihan yang berkaitan dengan sistem pengurusan strategik dan pengurusan kualiti organisasi dalam usaha penjanaaan pendapatan UniMAP;
- Melaksanakan tugas/projek khusus seperti keperluan dan arahan oleh Naib Canselor UniMAP.



CARTA ORGANISASI



STAF PUSPEK

BIL	NAMA	JAWATAN	STATUS	
			TETAP	KONTRAK
1	Prof. Dr. Harshita Aini Binti Haroon	Penolong Naib Canselor	/	
2	Dr. Norshahrizan Binti Nordin	Timbalan Pengarah	/	
3	Dr. Mohd. Hanafi Bin Mat Som	Timbalan Pengarah	/	
4	Mohamed Roshimi Bin Md. Shahor	Pegawai Teknologi Maklumat Kanan	/	
5	Abdul Ghani Bin Fathil	Penolong Pendaftar Kanan	/	
6	Nurul Asyikin Binti Fadzil	Pegawai Tadbir	/	
7	Budiman Ikhwandee Bin Fadzilah	Pegawai Tadbir		/
8	Muhammad Hidham Bin Haris	Pegawai Tadbir		/
9	Liyana Bt Abdul Halim @ Selvaratnam	Setiausaha Pejabat		/
10	Norzamira Binti Man	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat		/
11	Azimah Binti Aziz@Azaib	Pembantu Tadbir	/	
12	Mohd. Fazlie Bin Yusoff	Pembantu Tadbir		/
13	Suhana Binti Shaari	Pembantu Tadbir		/
14	Hasmizul Bin Hashim	Pembantu Am Pejabat	/	

Bilangan Staf PUSPEK: 14 orang
 Staf Tetap: 8 Orang
 Staf Kontrak: 6 Orang

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) 2019

Pusat Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti (PUSPEK)

BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN 2019	PENCAPAIAN 2019
1.	Bilangan Program Perkongsian Kepakaran	3	3
2.	Bilangan program CSR	1	0
3.	Bilangan konsultasi aktif untuk pensijilan dalaman ISO.	1	1
4	Bilangan konsultasi untuk pemantapan projek KIK	2	4
5.	Bilangan kajian kesihatan korporat yang dihasilkan.	2	2
6.	Bilangan program pemantapan/pengukuhan strategi.	2	2

The background features a light blue gradient. At the top and bottom, there are abstract geometric patterns composed of various-sized triangles. The top pattern is primarily in shades of cyan and light blue. The bottom pattern is primarily in shades of yellow and orange, with some light blue triangles interspersed. The central text is bold and black.

PEMBANGUNAN KORPORAT

PEMBANGUNAN KORPORAT

PELAN STRATEGIK UniMAP

PUSPEK memainkan peranan utama dalam pembangunan pelan strategik UniMAP. Sebagai pusat yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pembangunan korporat universiti, PUSPEK memastikan bahawa strategi universiti disebar luaskan kepada semua pemegang taruh UniMAP. PUSPEK juga memantau pembangunan dan pelaksanaan inisiatif yang berkaitan dengan pelan yang ditetapkan, yang dikenali sebagai UniMAP 2025. Pelan tersebut, yang dirancang untuk tempoh 2018-2025, melibatkan pemilik utama dan pelaksanaan aktiviti pada pelbagai peringkat pengurusan di universiti.

Pelaksanaan Pelan tersebut adalah berdasarkan kerangka yang mempunyai tiga matlamat strategik iaitu:

- Pembelajaran Berasaskan Inovasi
- Penyelidikan Translasional
- Siswazah Siaga-Industri.

manakala pemangkin bagi matlamat strategik tersebut ialah:

- Penciptaan Kekayaan
- Kecemerlangan Bakat
- Pemantapan Infrastruktur
- Pengukuhan Infostruktur

PELAN PELAKSANAAN UniMAP 2025

Prestasi, pelaksanaan dan pencapaian UniMAP 2025 dipantau oleh PUSPEK, melalui platform atas talian <http://epic.unimap.edu.my/>

Pegawai PUSPEK yang bertanggungjawab: Puan Nurul Asyikin Fadzil & En Budiman Ikhwandee Fadzillah

SISTEM PENINGKATAN KUALITI DATA KPM (MYMOHES)

PUSPEK menyelaraskan data UniMAP untuk tujuan input kepada sistem MyMoheS, yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sistem tersebut berfungsi sebagai repositori data bagi semua universiti awam (UA) dalam domain berikut:

- Staf
- Pelajar
- Penyelidikan dan Pembangunan dan Pengkomersilan (R&D&C)
- Maklumat institusi

Sistem tersebut membolehkan data universiti diakses dengan segera daripada satu pusat sehati, samada oleh pihak kementerian atau sebagai memenuhi keperluan data dalaman. Memandangkan MyMohes diandaikan sebagai pembekal data universiti yang utama, data yang dibekalkan perlu disahkan dan integriti data perlu dipelihara. PUSPEK memastikan keperluan ini sentiasa dipenuhi. Proses kemasukan data dilaksanakan dengan kerjasama antara pemilik utama data berkaitan dan kumpulan pegawai Teknologi Maklumat daripada Pusat Teknologi Maklumat, UniMAP. Mekanisme penarafan bintang digunakan oleh KPM dalam menilai data yang dibekalkan ke sistem MyMoheS, iaitu tertakluk kepada kriteria berikut: kualiti data, kesempurnaan data dan ketepatan masa. PUSPEK komited

dalam memastikan data dari UniMAP memenuhi kesemua kriteria yang ditetapkan. Pada tahun 2019, UniMAP telah dinilai sebanyak dua (2) kali dan memperoleh **4.5 Bintang** pada Penilaian Pertama (31/4/2019) dan **5 Bintang** pada Penilaian Kedua (30/6/2019).

Pegawai PUSPEK yang bertanggungjawab: En Budiman Ikhwande Fadzillah & Puan Nurul Asyikin Fadzil

RATING SYSTEM FOR MALAYSIAN HIGHER EDUCATION (SETARA)

SETARA, satu inisiatif Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) di bawah KPM, merujuk kepada Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Ia direka bentuk untuk membantu universiti memberi tumpuan kepada tiga teras utama institusi, dalam usaha ke arah kecemerlangan institusi. Hal ini dilaksanakan dengan merujuk kepada metrik penilaian dan pentaksiran yang relevan, yang justeru diberi tumpuan oleh UniMAP. PUSPEK menyelaraskan data UniMAP untuk tujuan penilaian SETARA dalam fungsi teras pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan.

Pegawai PUSPEK yang bertanggungjawab: Puan Nurul Asyikin Fadzil & En Budiman Ikhwande Fadzillah

PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA (Pengajian Tinggi) 2015-2025

PUSPEK memainkan peranan utama dalam memastikan aspirasi yang ditekankan oleh KPM dalam PPPM (PT) 2015-2025 diberi tumpuan dalam strategi korporat UniMAP. Hal ini dilaksanakan melalui kerangka strategik dan inisiatif ke arah memastikan aspirasi tersebut dicapai, selain memenuhi keperluan agenda spesifik universiti. KPI berkaitan dengan PPPM (PT) diintegrasikan dalam Pelan Strategik UniMAP 2025 untuk memastikan pelaksanaan ke arah pencapaian sasaran berlaku dan untuk memudahkan kerja-kerja pemantauan. Pemantauan pelaksanaan dilaksanakan secara berterusan manakala pemantauan pencapaian dibuat setiap suku tahun melalui sistem pengurusan prestasi ePIC.

Pegawai PUSPEK yang bertanggungjawab: Puan Nurul Asyikin Fadzil & En Budiman Ikhwande Fadzillah

SISTEM PENGURUSAN STRATEGI

ELECTRONIC PERFORMANCE INDICATOR CHANNEL (ePIC)

Sistem ePIC dibangunkan sebagai platform atas talian yang membantu dalam pengurusan prestasi dan pelan strategik universiti. Sistem tersebut berfungsi sebagai rujukan tunggal untuk mendapatkan maklumat yang relevan berkaitan Objektif Strategik, Petunjuk Prestasi Utama (KPI), sasaran, inisiatif dan aktiviti yang dilaksanakan untuk mencapai sasaran dan KPI yang ditetapkan. Paparan grafik, diagram interaktif dan carta digunakan untuk memastikan data dan maklumat dapat difahami dengan mudah.

Pegawai PUSPEK yang bertanggungjawab: En Mohamed Roshimi Md Shahor

The page features decorative geometric patterns at the top and bottom. The top pattern consists of light blue and cyan triangles of various sizes, creating a jagged, mountain-like silhouette. The bottom pattern consists of yellow and orange triangles, also creating a jagged, mountain-like silhouette. The background is a light blue gradient.

LAPORAN AKTIVITI 2019 PEMBANGUNAN KORPORAT

UniMAP 2025

TAJUK	MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL UniMAP 2025	MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU UniMAP 2025
TARIKH	23 Januari 2019 (Rabu) Bil.1/2019 23 April 2019 (Selasa) Bil.2/2019 9 Julai 2019 (Selasa) Bil.3/2019	19 Februari (Selasa) Bil.1/2019 23 April 2019 (Selasa) Bil.2/2019 26 Julai 2019 (Jumaat) Bil.3/2019
TEMPAT	Makmal Inovasi PUSPEK	Bilik Mesyuarat Juniper, ICT Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 11, Bangunan KWSP
PESERTA/ KEHADIRAN	Setiausaha Kluster PUSPEK Penolong Naib Canselor	Naib Canselor, Ketua & Setiausaha Kluster PUSPEK
OBJEKTIF	Membentangkan pencapaian KPI dan kemajuan inisiatif KPI UniMAP 2025 setiap suku tahun (Mac, Jun, September dan Disember) kepada Penolong Naib Canselor.	Membentangkan pencapaian KPI dan kemajuan inisiatif KPI UniMAP 2025 setiap suku tahun (Mac, Jun, September dan Disember) kepada YBhg. Naib Canselor



Taklimat Sistem Penarafan *TIMES HIGHER EDUCATION (THE)* *WORLD UNIVERSITY RANKINGS (WUR)*

TARIKH	12 Mac 2019 (Selasa)
TEMPAT	Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 3, Jabatan Pendaftar
PESERTA/KEHADIRAN	Pemilik Data THE WUR
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memberikan pengenalan dan makluman awal tentang THE. 2. Menerangkan tentang indikator THE. 3. Memberi pencerahan dan pendedahan tentang definisi operasional bagi setiap indikator THE.



MESYUARAT PASUKAN QS UNIMAP & PASUKAN QS PUSPEK

TARIKH	12 Jun 2019 (Rabu)
TEMPAT	Bilik Mesyuarat PUSPEK, Seriab
PESERTA/KEHADIRAN	Pasukan QS UniMAP Pasukan QS PUSPEK
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none">1. Untuk mendapat input yang jelas tentang QS.2. Mengetahui cara kerja serta carta alir tugas QS.3. Mendapatkan khidmat nasihat dari Pasukan QS UniMAP dalam melaksanakan QS di UniMAP.



BENGGKEL PEMANTAPAN DATA BAGI KRITERIA & INDIKATOR SISTEM PENARAFAN QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS ASIA 2019 & SETARA 2019

TARIKH	18 Jun 2019 (Selasa)
TEMPAT	Hotel Seri Malaysia, Kangar, Perlis.
PESERTA/KEHADIRAN	Pemilik data QS & SETARA PUSPEK
OBJEKTIF	Memberi kefahaman yang jelas tentang Definisi Operasional bagi setiap indikator QS dan SETARA 2019.



SESI PEMBENTANGAN DATA SETARA 2019 UNIMAP

TARIKH	23 Julai 2019 (Selasa)
TEMPAT	Makmal Inovasi PUSPEK, Seriab
PESERTA/KEHADIRAN	Pemilik data SETARA PUSPEK
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none">1. Membentangkan data SETARA 20192. Membuat rundingan data bersama pemilik data3. Memastikan data yang diterima bersih dan bertepatan dengan keperluan KPM.



MESYUARAT BERSAMA WAKIL QUACQUARELLI SYMONDS (QS)

TARIKH	10 September 2019 (Selasa)
TEMPAT	TH Hotel, Alor Setar, Kedah
PESERTA/KEHADIRAN	Pasukan QS UniMAP Pasukan QS PUSPEK
OBJEKTIF	Untuk mendapatkan kefahaman jelas tentang indikator QS dari wakil QS



UniMAP 2025

TAJUK	BENGKEL SEMAKAN UniMAP 2025 FASA II (2019-2022)	PEMBENTANGAN DERAF STRATEGI UniMAP 2025: FASA II (2020-2022)
TARIKH	1 – 3 November 2019	10 November 2019 (Ahad)
TEMPAT	Hotel Seri Malaysia, Sungai Petani, Kedah	Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur
PESERTA/ KEHADIRAN	Wakil MPP, Ahli Pasukan Kluster, Ketua Jabatan & Pengurusan Tertinggi Universiti	PUSPEK Ketua Kluster Pengurusan Tertinggi Universiti Ahli Lembaga Pengarah Universiti Wakil Industri
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memuktamadkan Teras Utama dan Teras Pemangkin. 2. Menetapkan KPI bagi tahun 2020 UniMAP 2025. 3. Membincangkan perancangan dan inisiatif KPI UniMAP 2025 bagi tahun 2020. 	Mengadakan pembentangan perancangan strategik UniMAP 2025 kepada Lembaga Pengarah Universiti dan Wakil Industri bagi mendapatkan input untuk penambahbaikan strategi UniMAP 2025 (Fasa II: 2020-2022).



MyMoheS

TAJUK	MAJLIS HI-TEA PASUKAN MyMoheS	PERBINCANGAN PELAKSANAAN TEKNOLOGI HIJAU SELARAS DENGAN KEPERLUAN MyMoheS	BENGKEL PENGURUSAN DATA UNIVERSITI AWAM MyMoheS
TARIKH	8 Mac 2019	8 Mac 2019	4 April 2019
TEMPAT	Tingkat 11, Bangunan KWSP	PUSPEK	Kementerian Pengajian Malaysia
PESERTA/ KEHADIRAN	Pasukan MyMoheS	Pasukan MyMoheS	Pasukan MyMoheS
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menghargai Pasukan MyMoheS UniMAP. 2. Motivasi kepada Pasukan MyMoheS dengan penghargaan sijil. 3. Komitmen Pengurusan Tertinggi UniMAP pada Sistem MyMoheS. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Keperluan Sistem MyMoheS 2. Menyokong Teknologi Hijau KPM. 3. Penyelarasan terma Teknologi Hijau dalam system. 4. Maklumbalas Universiti Awam untuk Teknologi Hijau Malaysia. 5. Mencari inovatif baharu untuk menjana <i>New Energy</i>. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Melatih staf baharu dan lama berkenaan pengendalian dan keperluan MyMoheS. 2. Penambahbaikan Sistem MyMoheS untuk kesesuaian data Universiti Awam. 3. Mendapat maklumbalas dari Penyelaras Universiti Awam. 4. Mempekenalkan modul baharu untuk Universiti Awam.



TAJUK	TAKLIMAT PERMUNIAN DATA APRIL 2019	PERBINCANGAN DATA SEPANJANG HAYAT MyMoheS 2019	KEMASUKAN DATA SISTEM MyMoheS	MESYUARAT KUALITI DATA (MKD)
TARIKH	10 April 2019	14 Mei 2019	Januari 2019 April 2019 Julai 2019 Oktober 2019	April 2019 Ogos 2019 November 2019
TEMPAT	Makmal Inovasi PUSPEK	Makmal Inovasi PUSPEK	PTj Pemilik Data/PUSPEK	KPM
PESERTA/ KEHADIRAN	Pemilik Data/ PTM	Pemilik Data	Pemilik Data	Wakil PUSPEK
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none"> 1. Taklimat berkaitan kemasukan data pelajar 2. Penambahbaikan kod pelajar. 3. Isu-isu semasa dari KPM. 4. Mendapatkan maklumbalas dari Pemilik Data dan Pegawai Teknologi Maklumat UniMAP. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mencari pemilik data baharu di dalam UniMAP. 2. Bertanggungjawab menyalurkan data SPH. 3. Memastikan Data Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) tidak bertindan untuk disalurkan kepada KPM. 4. Penentuan Penyelaras PSH UniMAP. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyediakan Data UniMAP pada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). 2. Menyelaras penghantaran data ke KPM. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyediakan Data UniMAP pada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). 2. Menyelaras penghantaran data ke KPM.



The background features a light blue gradient with abstract geometric patterns of triangles in various shades of blue and yellow at the top and bottom edges.

PENGURUSAN KUALITI

PENGURUSAN KUALITI

Pengurusan kualiti UniMAP mengguna pakai Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001. UniMAP telah berjaya memperoleh persijilan MS ISO 9001:2008 daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. pada 16 Julai 2010. Skop persijilan UniMAP merangkumi pemberian perkhidmatan pendidikan tinggi program Ijazah Sarjana Muda (Kepujian).

Bermula dengan MS ISO 9001:2008, UniMAP telah membuat peralihan kepada MS ISO 9001:2015 (Quality Management Systems) pada tahun 2016. MS ISO 9001:2015 memberi penekanan kepada prinsip pengurusan kualiti seperti berikut:

- tumpuan kukuh terhadap pelanggan
- motivasi pengurusan tertinggi
- penglibatan semua orang dalam organisasi
- pendekatan proses
- pembuatan keputusan berasaskan bukti
- penambahbaikan berterusan.
- pengurusan perhubungan

Penggunaan Sistem Pengurusan Kualiti ini membantu UniMAP memastikan perkara berikut:

- Pengurusan teras utama universiti yang lebih baik dalam memastikan keperluan pelanggan dan pemegang taruh dapat dipenuhi, justeru menghasilkan output yang lebih baik dari segi kualiti pelajar, bakat-bakat lain, perkhidmatan, dan kepuasan pelanggan;
- Kecekapan dan produktiviti yang lebih tinggi, memandangkan prosedur teras universiti dilaksanakan berdasarkan proses dan prosedur yang jelas yang memberi tumpuan kepada pengurangan pembaziran (masa, usaha, kos) dan penggunaan sumber secara optimum;
- Penambahbaikan berterusan, yang memerlukan UniMAP untuk sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik, melalui semakan proses dan maklum balas pelanggan; dan
- Peningkatan kedudukan UniMAP sebagai pembekal perkhidmatan pengajian tinggi yang mempunyai daya saing yang tinggi, justeru memberi keterlihatan pasaran yang baik dan kredibiliti kepada universiti.

Pegawai PUSPEK yang bertanggungjawab: En Muhammad Hidham Haris & En Abdul Ghani Fathil

KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK)

KIK merujuk kepada kumpulan di UniMAP (yang terdiri daripada staf akademik dan bukan akademik) yang sama-sama menyiasat, menganalisis, and mencari kaedah terbaik untuk menyelesaikan masalah di tempat kerja dengan cara berstruktur melalui penggunaan instrumen KIK dan proses penyelesaian masalah. Proses tersebut memberi peluang kepada setiap ahli kumpulan menyumbang idea/pandangan beliau dalam usaha menyelesaikan masalah.

Proses tersebut memberi pengiktirafan kepada nilai tambah yang ditawarkan oleh setiap ahli kumpulan, yang seterusnya meningkatkan motivasi kesemua ahli. Aktiviti yang terlibat dalam proses penyelesaian masalah memupuk kemahiran, keupayaan, keyakinan, dan kreativiti staf yang terlibat, yang terhasil daripada proses perbincangan, latihan, dan percubaan yang berterusan dalam usaha penyelesaian masalah. Penggunaan kitaran PDCA (*plan-do-check-act*) dalam proses KIK menyumbang kepada penggunaan kitaran tersebut dalam situasi kerja harian, justeru menyumbang kepada pembudayaan kecemerlangan di tempat kerja.

UniMAP menyertai KIK sejak tahun 2004. Kumpulan KIK dari UniMAP aktif menghadiri Konvensyen KIK yang dilaksanakan serta mempamerkan inovasi yang tercetus hasil daripada penggunaan instrumen KIK dalam pelaksanaan projek KIK.

Pegawai PUSPEK yang bertanggungjawab: En Abdul Ghani Fathil & En Muhammad Hidham Haris

KAJIAN KEPUASAN STAF DAN MAHASISWA

Sebagai keperluan QMS MS ISO 9001:2015, di bawah klausa 9.1.2, UniMAP perlu mewujudkan mekanisme untuk mengukur tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan dan produk yang ditawarkan.

PUSPEK melaksanakan Kajian Kepuasan Staf dan Mahasiswa untuk memenuhi keperluan ini, dan untuk memastikan universiti peka terhadap keperluan, kekusaran, dan kepuasan staf serta mahasiswa. Dapatan kajian dibentangkan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) bagi memastikan setiap isu dapat ditangani dengan sewajarnya.

Pegawai PUSPEK yang bertanggungjawab: En Muhammad Hidham Haris & En Abdul Ghani Fathil

SISTEM PENGURUSAN KUALITI eQDOC

Sistem eQDoc ialah sistem pengurusan dokumentasi ISO atas talian yang boleh diakses oleh semua staf UniMAP. Dibangunkan pada Disember 2009, eQDoc membantu mengurangkan beban dan kos yang terlibat dalam proses dokumentasi ISO, serta meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi berkaitan ISO di universiti.

Pegawai PUSPEK yang bertanggungjawab: En Mohamed Roshimi Md Shahor

The background features a light blue gradient with abstract geometric patterns of triangles in various shades of blue and yellow at the top and bottom edges.

LAPORAN AKTIVITI 2019 PENGURUSAN KUALITI

MESYUARAT

TAJUK	MESYUARAT TINDAKAN PEMBETULAN & PENAMBAHBAIKAN HASIL DAPATAN TAHAP KEPUASAN STAF & MAHASISWA	MESYUARAT TINDAKAN PEMBETULAN AUDIT SIRIM 2019	MESYUARAT TINDAKAN PEMBETULAN MKSP BIL.1/2018
TARIKH	29 April 2019	2 Julai 2019	14 Ogos 2019
TEMPAT	Makmal Inovasi PUSPEK, Seriab		
PESERTA/ KEHADIRAN	<ol style="list-style-type: none"> 1. Wakil PTj yang diminitkan dalam laporan minit MKSP Bil.1/2018 2. Wakil PTj yang mendapat laporan penemuan audit SIRIM QAS 		
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memberi kefahaman kepada wakil PTj berkenaan punca masalah dan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan. 2. Tindakan pembetulan dan penambahbaikan dapat dilaksanakan dengan segera. 		
KEBERHASILAN	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tindakan pembetulan dan penambahbaikan yang diambil boleh dikongsi dengan PTj lain agar perkara yang sama tidak akan berlaku. 2. Perlaksanaan SPK di UniMAP dapat berjalan dengan lancar jika proses penambahbaikan berterusan dilaksanakan. 		



KURSUS KESEDARAN MS ISO 9001:2015

TARIKH	16 April 2019
TEMPAT	Dewan Keikhlasan, Tingkat 10, Bangunan KWSP.
PESERTA/ KEHADIRAN	Penyelaras JIPK, Pensyarah-Pensyarah & Staf Bukan Akademik (Pengurusan & Profesional)
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menerangkan Dasar/Polisi dan Objektif Kualiti UniMAP. 2. Memberi taklimat penambahan klausa baru serta perubahan struktur di dalam piawaian ISO 9001:2015. 3. Ia juga bagi memenuhi keperluan Standard ISO 9001:2015 Klausa 7.2 (Kecekapan) dan Klausa 7.3 (Kesedaran).
KEBERHASILAN	Maklumat berkenaan Sistem Pengurusan Kualiti dapat disampaikan kepada JIPK lantikan baru bagi menghadapi Audit Pensijilan Semula oleh SIRIM QAS.



MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN BIL.1 2018

TARIKH	24 Mei 2019
TEMPAT	Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 3, Jabatan Pendaftar
PESERTA/ KEHADIRAN	Pengurusan Tertinggi UniMAP, Dekan, Ketua Jabatan, Penyelaras Jaringan Industri & Pengurusan Kualiti (PJIPK), Pengerusi Sistem Pengurusan Strategik & Kualiti (SPSK), Pemilik Proses dan Juruaudit Dalaman UniMAP
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memberi kesedaran tentang keperluan SPK di UniMAP. 2. Membekalkan maklumat berkenaan status SPK di UniMAP. 3. Membentangkan kajian dan analisis yang dijalankan ke atas data-data yang terkumpul berkaitan dengan pelaksanaan SPK UniMAP untuk menilai prestasi dan pencapaian objektif kualiti yang ditetapkan.
KEBERHASILAN	<ol style="list-style-type: none"> 1. Laporan status pelaksanaan SPK di UniMAP dikongsi bersama semua staf UniMAP. 2. Segala keputusan mesyuarat berkenaan SPK diputuskan dalam MKSP ini. 3. Beberapa cadangan penambahbaikan diusulkan bagi membantu PTj untuk mencapai objektif kualiti. 4. Tindakan penambahbaikan yang diambil Berjaya membantu UniMAP bagi menghadapi Audit Persijilan oleh SIRIM QAS.



AUDIT PENSIJILAN SEMULA SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.

TARIKH	26, 27 & 28 Jun 2019
TEMPAT	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
PESERTA/ KEHADIRAN	Wakil Pengurusan, Staf Pusat Pengajian & Pusat Tanggungjawab yang terlibat
OBJEKTIF	Mengesahkan Sistem Pengurusan Kualiti di UniMAP dilaksanakan secara berterusan dan diselenggara bagi menepati keperluan-keperluan yang ditetapkan oleh piawaian MS ISO 9001:2015
KEBERHASILAN	<ol style="list-style-type: none"> 1. UniMAP dapat mengekalkan persijilan MS ISO 9001:2015 dengan satu laporan ketidakpatuhan Minor dan sembilan laporan penambahbaikan. 2. Memperoleh cadangan penambahbaikan daripada juruaudit SIRIM sebagai peluang penambahbaikan untuk dilaksanakan.



MESYUARAT INSTRUMEN TAHAP KEPUASAN MAHASISWA

TARIKH	11 September & 30 Oktober 2019
TEMPAT	Makmal Inovasi, PUSPEK
PESERTA/ KEHADIRAN	PNC PUSPEK, TD PUSPEK, Dekan HEPA, Pengetua Kolej Kediaman, BPA jabatan Pendaftar dan MPP UniMAP
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none"> 1. Semakan semula instrumen sedia ada berdasarkan keperluan semasa mahasiswa. 2. Memastikan instrumen tersebut dapat membantu UniMAP melaksanakan penambahbaikan secara berstruktur.
KEBERHASILAN	Instrumen Kajian Tahap Kepuasan Mahasiswa yang baharu dapat digunakan pada tahun 2020 bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan UniMAP.



BENGGKEL PEMURNIAN RISIKO SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001:2015

TARIKH	16 & 17 Oktober 2019
TEMPAT	Bilik Seminar Siantan, PPK Pembuatan
PESERTA/ KEHADIRAN	Timbalan Dekan Akademik, Penyelaras JIPK, Pengerusi SPSK dan Pemilik Proses SPK UniMAP
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memberi kesedaran berkenaan pengurusan risiko dan kaedah penambahbaikan yang boleh dilaksanakan. 2. Menerangkan kaedah untuk mengenalpasti, menganalisa, dan merawat risiko untuk setiap prosedur kerja yang diwujudkan.
KEBERHASILAN	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pendedahan kepada pelaksana iaitu staf akademik berkenaan kepentingan pengurusan risiko di pusat pengajian. 2. Staf akademik yang terdiri daripada JIPK dan TDA banyak memberi input berkenaan risiko dan peluang di pusat pengajian. 3. Proses pemurnian senarai risiko dapat dilakukan dengan mengambil kira input dari pelaksana.



AUDIT DALAMAN MS ISO 9001:2015

TARIKH	Oktober – November 2019
TEMPAT	Di semua Pusat Pengajian & Pusat Tanggungjawab yang terlibat dengan skop pensijilan
PESERTA/ KEHADIRAN	Juruaudit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) dan staf sebagai auditi.
OBJEKTIF	Menentukan keberkesanan pelaksanaan dan penyelenggaraan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) dalam memenuhi Polisi Kualiti dan Objektif Kualiti UniMAP
KEBERHASILAN	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membantu proses penambahbaikan dalam SPK. 2. Memastikan SPK UniMAP sentiasa memenuhi keperluan piawaian MS ISO 9001:2015. 3. Kesedaran mengenai SPK kepada staf boleh dikongsi semasa proses audit dalaman berlangsung. 4. Persiapan UniMAP dalam pelaksanaan SPK sebelum menghadapi Audit Persijilan oleh SIRIM QAS.



BENGKEL PEMANTAPAN PROJEK KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) SEBAGAI PERSEDIAAN WAKIL UniMAP KE PERINGKAT KONVENSYEN KIK UNIVERSITI AWAM (UA)

TARIKH	25 – 26 Mac 2019
TEMPAT	Bilik Seminar UKKP, Seriab, Perlis
PESERTA/ KEHADIRAN	Ketua Kumpulan & Setiausaha Kumpulan KIK
OBJEKTIF	Sebagai persediaan persembahan bagi menyertai Konvensyen KIK Peringkat Universiti Awam
KEBERHASILAN	<ol style="list-style-type: none"> 1. Projek KIK dibuat mengikut tatacara yang betul. 2. <i>QC Story</i> laporan KIK dibuat secara sistematik 3. Laporan projek KIK mengikut proses yang betul.



KONVENSYEN MINI KIK PERINGKAT UniMAP 2019

TARIKH	24 April 2019
TEMPAT	Dewan Kecemerlangan DK2, Kampus Pauh Putra
PESERTA/ KEHADIRAN	PTj UniMAP / Kumpulan KIK UniMAP
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menggalakkan penyertaan staf UniMAP dalam memperkenalkan projek inovasi dan penambahbaikan 2. Memilih pasukan terbaik bagi mewakili UniMAP ke Konvensyen KIK UA.
KEBERHASILAN	<ol style="list-style-type: none"> 1. Acara tahunan ini merupakan kayu ukur penglibatan PTJ UniMAP dalam aktiviti KIK. 2. Sebanyak 7 kumpulan berjaya menyiapkan projek KIK untuk Konvensyen Mini KIK UniMAP. 3. Johan serta naib Johan bagi kedua-dua kategori Teknikal dan Pengurusan telah dipilih untuk mewakili UniMAP ke peringkat UA tahun 2019 di UTeM, Melaka.



KONVENSYEN KIK PERINGKAT UNIVERSITI AWAM KALI KE 15 TAHUN 2019

TARIKH	19 – 22 Ogos 2019
TEMPAT	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
PESERTA/ KEHADIRAN	Kategori Pengurusan : Kumpulan CNE (PPK AS & IKoM) Kumpulan i-Solve (IMK) Kategori Teknikal: REKA (PPK Pembuatan & PPD) MechaChange (PPK Mekatronik) Urusetia PUSPEK
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menggalakkan staf UniMAP berfikir dan berdaya saing mencari idea - idea inovatif dan kreatif. 2. Setiap projek yang dihasilkan dapat memberi impak kepada Universiti dan Komuniti.
KEBERHASILAN	<ul style="list-style-type: none"> • Cemerlang di Konvensyen KIK UA Kali Ke 15 UTeM, Melaka. • CNE (PPK Alam Sekitar dan iKOM) berjaya mendapat tempat ke-3 bagi Kategori Pengurusan (1st time) dan Penarafan Emas • I-SOLVE daripada Institut Matematik Kejuruteraan (IMK) Anugerah Persembahan Terbaik Kategori Pengurusan. (1st time) dan Penarafan Emas • REKA (PPK Pembuatan & PP Diploma) berjaya mendapat Anugerah Poster Terbaik Kategori Teknikal (1st time) dan Penarafan Emas. • MECHACHANGE (PPK Mekatronik) juga berjaya meraih Penarafan Emas. • 100% Penarafan Emas.





LAPORAN LATIHAN STAF 2019

LAPORAN LATIHAN STAF 2018

BIL	NAMA STAF	JAWATAN	SENAM-ROBIK	KURSUS	HARI
1	Prof. Dr. Harshita Aini Haroon	Pen. Naib Canselor	6 (2)	10	16
2	Dr. Norshahrizan Nordin	Timbalan Pengarah	2 (0)	27	60
3	Dr. Mohd. Hanafi Bin Mat Som	Timbalan Pengarah	3 (1)	11	14
3	En. Abdul Ghani Bin Fathil	Pegawai Tadbir	9 (3)	13	21
4	En. Budiman Ikhwandee Bin Fadzilah	Pegawai Tadbir	15 (5)	12	14
5	En. Mohamed Roshimi Bin Md Shahor	Pegawai Teknologi Maklumat	16 (5)	11	14
6	En. Muhammad Hidham Bin Haris	Pegawai Tadbir	6 (2)	13	24
7	Pn. Nurul Asyikin Binti Fadzil	Pegawai Tadbir	14 (4)	15	21
8	Liyana Abdul Halim@Selvaratnam	Setiausaha Pejabat	8 (2)	7	7
9	Pn. Norzamira Binti Man	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	13 (4)	11	14
10	En. Mohd Fazlie Bin Yusoff	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)	6 (2)	10	14
11	Pn. Azimah Binti Abdul Aziz@Azaib	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)	10 (3)	11	17
12	Pn. Suhana Binti Shaari	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)	15 (3)	12	16
13	En. Hasmizul Bin Hashim	Pembantu Operasi	8 (2)	8	8



LAPORAN CUTI STAF 2019

LAPORAN CUTI STAF 2019

BIL	NAMA STAF	CUTI 2019	CUTI YANG DIGUNAKAN TAHUN 2019			BAKI CUTI DIBAWA KE 2020
			REHAT	SAKIT	LAIN-LAIN	
1	Prof. Dr. Harshita Aini Binti Haroon	31	14	0	0	17
2	Dr. Norshahrizan Binti Nordin	33	23	2	0	11
3	Dr. Mohd. Hanafi Bin Mat Som	44	29	0	7 (CTR)	15
4	Abdul Ghani Bin Fathil	25	23	5	0	2
5	Mohamed Roshimi Bin Md. Shahor	25	22	0	2 (CP) 7 (CTR)	3
6	Nurul Asyikin Binti Fadzil	25	25	4	1 (CP)	0
7	Azimah Binti Abdul Aziz	33	17	0	0	16
8	Hasmizul Bin Hashim	29	19	7	0	10
9	Budiman Ikhwandee Bin Fadzilah (K)	8	7	1	1 (CTR)	1
10	Muhammad Hidham Bin Haris (K)	25	16	4	1 (CP)	9
11	Liyana Bt Abdul Halim @ Selvaratnam (K)	25	9	2	0	16
12	Norzamira Binti Man (K)	25	18	3	2 (CTR)	7
13	Mohd. Fazlie Bin Yusoff (K)	5	2	0	0	3
14	Suhana Binti Shaari (K)	10	4	1	2 (CTR)	6

NOTA:

P : Pampasan


CTR : Cuti Tanpa Rekod

K : Kelayakan cuti bagi tahun 2019 staf kontrak adalah mengikut kontrak tahun semasa

The background features a light blue gradient. At the top and bottom, there are decorative borders composed of overlapping triangles in various shades of blue and yellow. The top border is primarily light blue and cyan, while the bottom border is primarily yellow and orange. The central text is bold and black.

LAPORAN KEWANGAN 2019

LAPORAN PERBELANJAAN 2019



VOT 21
RM 9,982.31



VOT 27
RM 2,955.40



VOT 24
RM 4,584.00



VOT 28
RM 963.50



VOT 25
RM 364.00



VOT 29
RM 8,967.69



VOT 35
RM 10,000.00

LAPORAN KEWANGAN PUSPEK 2019

	PERUNTUKAN	VIREMEN/ TAMBAHAN	PERBELANJAAN	BAKI
VOT 21	15,000.00	(4,400.00)	9,982.31	617.69
VOT 24	6,080.00	(1,300.00)	4,584.00	196.00
VOT 25	1,000.00	-600.00	364.00	36.00
VOT 27	2,020.00	1,000.00	2,955.40	64.60
VOT 28	1,000.00	300.00	963.50	336.5
VOT 29	4,500.00	5,000.00	8,967.69	532.31
VOT 35	5,000.00	5,000.00	10,000.00	-
JUMLAH	34,600.00	5,000.00	37,816.90	1,783.10

PETUNJUK:

- VOT21 Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup
- VOT23 Perhubungan dan Utiliti
- VOT24 Sewaan
- VOT25 Bahan-bahan Makanan dan Minuman
- VOT27 Bekalan dan Bahan-bahan Lain
- VOT28 Penyelenggaraan dan Pembaikan
- VOT29 Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti
- VOT52 Bayaran-bayaran lain

Nota: Maklumat dikemaskini pada 15 Disember 2019

PUSAT PEMBANGUNAN KORPORAT DAN PENGURUSAN KUALITI

Blok D, No.2, Aras 1, Taman Pertiwi Indah,
Jalan Kangar – Alor Setar, Seriab,
01000 Kangar, Perlis.

Tel: 04-9798644 / Fax: 04-9798468

[Http://puspek.unimap.edu.my](http://puspek.unimap.edu.my)